

Bantal comel pilihan Sara

Oleh Muhammad Reza Muhsain
m.reza@bh.com.my

Kuala Terengganu

Bermula sebagai hobi menghasilkan bantal kekabu sebagai koleksi peribadi, Sara Salim, kini berbangga apabila beliau mula dikenali menerusi perniagaan membuat bantal kekabu.

Perniagaan yang pada awalnya dilakukan secara kecil-kecil dengan memenuhi permintaan ahli keluarga dan kenalan rapat, kini semakin berkembang apabila mendapat tempahan dari seluruh negara.

Sara yang juga pelajar Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Risiko dan Takaful, Universiti Sultan Zainal Abidin (UnisZA) berkata, dengan kemahiran menjahit yang dimiliki, beliau dapat menghasilkan bantal kekabu yang comel dan unik dalam pelbagai saiz dan corak dengan gabungan bunga-bunga serta sulaman.

"Sambutan pelanggan amat menggalakkan membuat saya tekad mem-

perluaskan strategi pemasaran menerusi laman sosial Facebook dan Instagram.

"Selain sesuai dijadikan hadiah untuk sambutan hari tertentu, bantal kekabu ini juga boleh dijadikan koleksi peribadi," katanya.

Kekabu asli

Katanya, koleksi bantallya dijual pada harga antara RM15 hingga RM50, bergantung kepada saiz dan corak sulaman.

Menggunakan kain jenis flannel, beliau turut menggunakan kekabu asli bagi memastikan kualiti dan kepuasan pelanggan.

"Kesibukan tugas sebagai pelajar bagaimanapun tidak membataskan saya untuk terus mengembangkan perniagaan ini kerana apa yang penting ialah kita perlu bijak membagikan masa.

"Tempahan kebiasaan dilakukan pada hujung minggu atau waktu lapang dengan purata kira-kira 50 bantal dapat disiapkan dalam tempoh sebulan," katanya.

Sara yang mengimpikan

memiliki kedai sendiri mengakui sokongan ahli keluarga dan rakan banyak membantunya dalam melancarkan perniagaan yang mampu meraih keuntungan sekitar RM500 sebulan.

Selain bantal kekabu, Sara turut berhasrat mempelbagaikan produk dengan aneka bekas alat tulis dan



Koleksi bantal kekabu yang dihasilkan Sara.



Sara menunjukkan sebahagian daripada bantal kekabu yang dijual.

"SAMBUTAN PELANGGAN AMAT MENG-GALAKKAN MEMBUATKAN SAYA TEKAD MEMPERLUAS-KAN STRATEGI PEMASARAN MENERUSI LAMAN SOSIAL FACEBOOK DAN INSTA-GRAM"